Panasonic

Siaran Media
Untuk Siaran Segera

Panasonic Malaysia Melancarkan Kempen Kitar Semula *e-Waste* bersama ERTH; Memberi Ganjaran kepada Pengguna yang Mengitar Semula Secara Bertanggungjawab

Kuala Lumpur, 19 Februari 2025 – Panasonic Malaysia mengumumkan kolaborasi dengan ERTH, sebuah organisasi kitar semula sisa elektronik (*eWaste)* terkemuka di Malaysia dalam "Kempen Kitar Semula e-Waste Panasonic". Kerjasama ini dipandu oleh visi korporat Panasonic 'Create Today. Enrich Tomorrow.' dan matlamat Panasonic Green Impact (PGI), yang menggariskan komitmen syarikat terhadap kesejahteraan masyarakat, pertumbuhan ekonomi, serta penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab dalam industri elektrik.

Kempen Kitar Semula *e-Waste* Panasonic berlangsung sehingga 30 Jun 2025 di Lembah Klang. Untuk menyertai, pelanggan boleh mengisi borang melalui laman rasmi kempen dan Wira ERTH akan menghubungi untuk mengatur pengambilan yang mudah. Setiap kotak koleksi mesti mengandungi sekurang-kurangnya 3 barang. Sebagai ganjaran untuk menyertai gerakan ke arah penggunaan yang bertanggungjawab, Panasonic Malaysia akan menawarkan peserta e-baucar Kelab Panasonic RM50*.

Hari ini, peranti elektronik menjadi sebahagian penting dalam kehidupan seharian, namun kemajuan teknologi yang pesat menjadikannya cepat usang, menyebabkan peningkatan jumlah sisa elektronik. Dengan ini, *eWaste* telah menjadi cabaran yang semakin meningkat di Malaysia. Laporan menunjukkan bahawa negara menjana lebih 364 kiloton *e-Waste* setiap tahun. Penyelidikan juga menunjukkan bahawa menjelang 2025, negara diunjurkan menjana kira-kira 24.5 juta unit *e-Waste*—jumlah yang mengejutkan bersamaan dengan jisim 82 Menara Berkembar.

"Sebagai sebuah syarikat yang komited untuk memperkayakan kehidupan dan kesejahteraan masyarakat melalui visi korporat kami 'Create Today. Enrich Tomorrow'. Visi korporat kami mengiktiraf keperluan mendesak untuk menangani *e-Waste* di Malaysia untuk menjamin masa depan yang mampan untuk alam sekitar kita dan generasi akan datang. Dengan mengamalkan amalan kitar semula yang bertanggungjawab, individu dan perniagaan boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesan alam sekitar dan menyokong ekonomi kitaran. Kempen ini bukan sahaja menyokong visi korporat kami tetapi juga sejajar dengan usaha kami untuk menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu," kata Keisuke Nishida, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

Pembuangan *e-Waste* yang tidak betul adalah isu penting, kerana kebanyakannya berakhir di tapak pelupusan sampah atau dibuang secara tidak bertanggungjawab. Apabila *e-Waste* dilupuskan secara tidak wajar, bahan berbahaya seperti plumbum, merkuri dan kadmium dilepaskan ke alam sekitar, mencemarkan tanah, air dan udara. Bahan pencemar ini menimbulkan risiko kesihatan yang teruk kepada manusia dan hidupan liar, menyumbang kepada kemerosotan alam sekitar jangka panjang.

"Dengan bekerjasama bersama ERTH, kami menyasarkan untuk mewujudkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada tindakan yang akan memberi kesan positif yang berkekalan kepada komuniti kita dan planet ini. Bersama-sama, kami berhasrat untuk mendidik orang ramai tentang *e-Waste* dan memberi inspirasi kepada mereka untuk menerima amalan kitar semula. Melalui kempen ini, kami berharap dapat mengalihkan corak pemikiran daripada mengabaikan kitar semula kepada penyertaan aktif dalam mengurangkan jejak alam sekitar *e-Waste* membina masa depan yang mampan dan mesra alam," tambah Nishida.

Untuk maklumat lanjut tentang kempen dan senarai barangan *e-Waste* yang layak, sila lawati: https://www.panasonic.com/my/events-and-promotions/promotions/panasonic-e-waste-campaign.html. E-baucar boleh ditebus dengan pembelian minimum RM150 dalam satu transaksi di Club Panasonic di https://store.apac.panasonic.com/my. Tertakluk kepada terma dan syarat.

** Nota: E-baucar hanya akan diberikan kepada peserta apabila berjaya diambil dan disahkan.*

###

Mengenai Panasonic Malaysia
Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Hubungan Media

Stella Lim
Ketua Jabatan
Jabatan Komunikasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.
Email: stella.lim@my.panasonic.com
Pejabat: +603-7809 7605

Mazlee Mokhtar
Pengurus, Komunikasi Korporat
Jabatan Komunikasi Pemasaran
Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com
Pejabat: +603-7809 7877